

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
29 SEPTEMBER 2016**

---

**1. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan untuk kali ke-17 pada 2 Oktober 2016 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Aktiviti yang telah dirancang pada Program CFM adalah senamrobik, pameran, gerai jualan, pertunjukan *clown*, pertunjukan silat, *massage knife*, karaoke, *electronic bicycle*, kaunter bayaran bergerak, jualan *e-Waste* dan banyak lagi aktiviti menarik. Datanglah beramai-ramai untuk memeriahkan lagi MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai.

## **2. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 2 Oktober 2016 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 16 Oktober 2016 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 23 Oktober 2016 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **3. SELAMAT MENYAMBUT AWAL MUHARRAM 1438H**

Dimaklumkan bahawa Awal Muharam (Maal Hijrah) 1438 Hijrah adalah bersamaan dengan 2 Oktober 2016 (Ahad) dan 3 Oktober 2016 (Isnin) merupakan hari cuti gantian.

#### **4. SAMBUTAN HARI DEEPAVALI**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada semua penganut Hindu yang bakal meraikannya pada 29 Oktober 2016 (Sabtu).

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**